

26/09/1998

PM terpaksa bertindak segera

Ebi Azly Abdullah; Khairana Sabtu

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau terpaksa bertindak segera terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana tidak mahu seorang pemimpin berkelakuan sumbang menjadi Perdana Menteri, jika sesuatu berlaku kepadanya.

Menurut Perdana Menteri, seseorang pemimpin yang terbabit dengan kegiatan homoseksual, tidak layak memimpin sebuah negara seperti Malaysia.

"Saya perlu ambil tindakan segera kerana kalau sesuatu berlaku kepada saya maka dia (Anwar) akan menggantikan saya. Saya berpendapat, orang yang terbabit dengan kegiatan ini, tidak layak memimpin negara kita.

"Sebab itu, tindakan diambil serta merta dan ia diambil oleh saya sendiri atas budi bicara saya," katanya ketika merasmikan sambutan Hari Wanita anjuran Pergerakan Wanita Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Turut hadir Setiausaha Agung parti, Datuk Sabbaruddin Chik; Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Ketua Penerangan, Datuk Dr Mohd Yusof Nor. Anwar dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 September lalu, sebelum dipecat keahliannya dalam Umno sehari kemudian.

Ahad lalu, Anwar ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berikutan tindakannya yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, termasuk mengetuai perhimpunan haram.

Beliau bertanya kepada Pergerakan Wanita Umno dan ahli Umno lain sama ada mereka sanggup memecah-belahkan parti semata-mata untuk menerima pemimpin semacam itu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, jika di negara Barat rakyatnya sanggup menerima pemimpin yang melakukan kegiatan tidak bermoral, rakyat negara tidak boleh menerima seorang pemimpin yang mempunyai moral rendah kerana nilai-nilai ketimuran dan pegangan mereka kepada Islam.

Beliau memberi contoh di Amerika Syarikat dan Eropah yang mana ada menteri homoseksual diterima dalam masyarakat di sana. "Di England dan Australia, mereka anggap ia adalah hak asasi manusia, membuat kerja yang songsang adalah hak mereka. Jika di sini kita ada Hari Wanita, mereka mengadakan hari 'homoseks' dan mengadakan perarakan di tengah bandar, mendedahkan bahawa mereka adalah pengamal homoseks," katanya sambil melahirkan rasa jijik melihat kegiatan homoseksual di Barat. "Ketika mereka mengadakan perjumpaan, seorang lelaki mencium seorang lelaki dan ada juga pemimpin negara yang membawa temannya yang juga seorang lelaki ke majlis keramaian.

"Ini amat kotor sekali. Kita berasa macam nak muntah, loya apabila melihatnya. Tetapi itu sudah menjadi tabiat mereka, diterima dan diiktiraf sebagai hak homoseksual," katanya.

Menurut Perdana Menteri, rakyat akan 'rosak' jika mereka menerima cara hidup seperti itu di negara ini dan masyarakat perlu mengasingkan diri daripada aliran berkenaan. "Percayalah, mereka yang menerima cara itu satu hari nanti akan rosak. Tuhan akan memberi balasan kepada mereka dan ini dijanji dalam al-Quran. Kalau kita buat macam itu, Tuhan akan balas dengan berat," katanya sambil menolak cara Barat yang dianggapnya memberi terlalu banyak kebebasan.

Dr Mahathir berkata, Tuhan sudah menentukan supaya perbezaan tertentu di kalangan umat manusia dikekalkan dan kita harus iktiraf hakikat dan

perbezaannya'.

"Kita di sini tahu dan menerima hakikat sebenar. Kita terima perbezaan dan persamaan antara lelaki dan wanita," katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan mengenai perbezaan antara manusia dan haiwan dan berkata: "Bagi haiwan seperti ayam, biasanya yang jantan itu lebih cantik... misalnya bapa ayam, bulunya yang berwarna-warni.

"Tetapi dalam hal manusia pula keadaannya berbeza, lelaki dikatakan tidak cantik walaupun ada juga lelaki yang kadang-kadang nampak menarik. Apabila kita ketepikan keadaan semula jadi ini, huru-hara akan berlaku," katanya.

Oleh itu, beliau menyeru anggota Umno supaya mengekalkan perpaduan dalam parti dan jangan membiarkannya dipecah-belahkan oleh mana-mana pihak.

"Hari ini kita menghadapi sedikit masalah dan perlu ditangani dengan baik kerana kalau terbawa-bawa, Umno akan gagal dan tidak dapat menyambung perjuangan Umno yang bermula sejak lebih 50 tahun lalu.

"Perjuangan Umno belum selesai. Perpaduan diperlukan untuk menjamin perjuangan kita mencapai kejayaan. Perjuangan kita mungkin gagal jika kita tidak berhati-hati dalam menangani perkara ini," katanya.

(END)